

## *Memfaatkan Visual dalam Penulisan Karangan Naratif*

**Zainah Mohamed**

zainah\_mohamed@moe.edu.sg  
Sekolah Menengah Ping Yi

### *Abstrak*

Sejak kebelakangan ini banyak cerita dari bahan cetak telah difilemkan atau dijadikan lakonan drama atau teater agar dapat dihayati, difahami dan diingat dengan lebih mendalam oleh khayalak. Kajian yang dilakukan ini membuktikan bahawa bahan-bahan visual dari *Youtube* juga boleh dimanfaatkan bagi membimbing para pelajar dalam penulisan terutama sekali menulis karangan naratif. Melalui kajian ini, pelajar dibimbing menulis karangan berdasarkan klip video yang ditonton. Bahan visual yang menjadi pilihan merupakan iklan semasa. Kajian yang dijalankan juga cuba melihat secara kualitatif keberkesanan bahan visual yang dipaparkan dalam memudahkan proses menjana idea untuk menulis sebuah karangan naratif. Strategi ini juga dapat menarik perhatian para pelajar dan secara langsung menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang memanfaatkan ICT bagi para pelajar yang diakui pribumi digital. Sambil menerapkan nilai-nilai murni dari visual yang dipilih itu, para pelajar bermotivasi rendah dan visual learners dapat dibantu agar lebih menggemari pembelajaran Bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi ini memudahkan mereka mengenalpasti konsep pendahuluan, perkembangan, konflik, klimaks dan peleraian. Pelajar juga dibenarkan menukil dialog dari visual sebagai latihan menyelitkan dialog sebagai langkah menghidupkan watak.

Kata Kunci: menjana idea, nilai murni, pribumi digital



## PENGENALAN

Guru seharusnya mengetahui perbezaan tahap kognitif, latar belakang dan budaya anak didiknya, Zamri Mahmood (2011). Guru juga berperanan merangsang pembelajaran kreatif dan membina kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Di samping menekankan konsep komunikasi berkesan, para pelajar juga harus diterapkan dengan nilai-nilai murni. Penerapan dan penyebatian norma, nilai murni dan kerohanian itu tidak hanya diterapkan secara tersurat dalam kandungan kurikulum, tetapi juga secara tersirat.

Kumpulan kajian ialah para pelajar Menengah 1 Ekspres. Guru memilih bahan yang pernah dilihat pelajar dan menekankan unsur-unsur nilai murni dan menarik dari segi visual. Perbincangan yang dijalankan setelah melihat klip-klip video dijadikan tajuk perbincangan. Guru membantu pelajar mengupas video dengan meneliti watak yang menghidupkan cerita. Aktiviti seterusnya adalah membantu pelajar mengenal pasti aspek intro, perkembangan dan peleraian. Pelajar-pelajar kelihatan lebih terangsang untuk mengikuti pengajaran daripada bahan visual dan keupayaan memahami dipermudah apabila guru membimbing pelajar mengenal pasti nilai-nilai pengajaran yang boleh didapatkan daripada visual-visual tersebut.

## PERNYATAAN MASALAH

Kajian yang dijalankan didorong oleh masalah para pelajar bermotivasi rendah dan kelemahan pelajar menengah rendah menulis karangan naratif yang menarik. Melalui daya usaha ini, guru berharap pelajar akan menguasai kemahiran itu setelah mereka mengikut panduan yang diberikan. Jika masalah itu tidak ditangani, pelajar tidak akan dapat menulis karangan yang baik.

## TUJUAN KAJIAN

Matlamat kajian adalah untuk melihat keberkesanan penggunaan bahan-bahan klip video dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu kerana penggunaan bahan ICT semudah klip visual dari *Youtube* diharap dapat merangsang profil pelajar yang bersifat *Visual Learners*.



Penerapan nilai-nilai murni dapat disampaikan dengan cara yang mudah dan menarik. Para pelajar juga menyedari bahawa mereka harus dapat memahami perkara yang tersurat dan tersirat daripada visual yang ditonton. Guru juga ingin memastikan para pelajar yang mempunyai tahap kognitif dan latar belakang yang pelbagai itu akan terus aktif dalam proses pembelajaran dengan melaksanakan pelbagai strategi termasuk strategi pembelajaran perbezaan.

Kajian juga mahu memastikan bahawa para pelajar yang lemah dan tidak bermotivasi akan masuk ke kelas dengan jangkaan bahawa mereka akan sama-sama terlibat dalam proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah.

## **KAJIAN LEPAS**

Menurut Wood (2002), minat dan kesediaan pelajar di dalam kelas perlu diberi perhatian oleh setiap guru kerana minat mereka berbeza. Kajian yang dijalankan oleh Juriah (2010), Zamri (2011), Zamri dan Mohamed Amin (2008) membuktikan bahawa faktor minat dan kesediaan pelajar mempelajari Bahasa Melayu banyak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Semua kajian ini menunjukkan bahawa faktor minat dan kesediaan pelajar Bahasa Melayu perlu diambil kira dalam merancang kurikulum, kaedah pengajaran dan rancangan pengajaran guru Bahasa Melayu. Antara faktor yang dapat menarik minat pelajar mempelajari Bahasa Melayu dalam abad ke 21 ini adalah:

1. cara penyediaan guru, jenis soalan dan respon terhadap soalan pelajar;
2. kepelbagaian kaedah pengajaran sama ada kaedah berpusatkan guru, berpusatkan pelajar ataupun berpusatkan bahan pengajaran;
3. aplikasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran; dan
4. mengambil kira profil pelajar yang berbeza kognitif, emosi, sosio-ekonomi dan lain-lain.

Guru Bahasa Melayu perlu mengambil kira tiga cara dan gaya belajar berikut untuk pembelajaran yang mudah, cepat dan berkesan:

1. Gaya belajar visual (melihat) - guru mempelbagai kaedah dan bahan mengajar yang melibatkan aktiviti visual, terutamanya yang menggunakan kemahiran bertutur dan membaca



2. Gaya belajar auditori (mendengar) - guru mempelbagai kaedah mengajar yang melibatkan kemahiran mendengar
3. Gaya belajar kinestetik (pergerakan) - guru mempelbagai kaedah mengajar yang melibatkan pergerakan seperti main peranan, lakonan dan lain-lain

(Zamri, 2011)

Menurut Jonassen(1996), ICT berperanan sebagai alat kognitif yang menambah kuasa kognitif manusia dalam berfikir, penyelesaian masalah dan pembelajaran. ICT merupakan pasangan intelektual yang menyokong pembinaan ilmu secara individu mahupun kolaboratif. ICT menyediakan kekangan struktural atau perencah kognitif dan melegakan pelajar daripada tugas peringkat rendah. Oleh itu, adalah sesuai bagi guru untuk menggunakan ICT sebagai alat bantu mengajar. Yang penting, guru harus menggunakan alat atau teknologi yang sesuai dengan proses pembelajaran yang diinginkan.

## PROSEDUR KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini menggunakan rangka kerja Lingkaran Pembelajaran (LP) atau *Learning Circle* (LC) sebagai wadah untuk melakukan muhasabah isu-isu yang berhubung kait dengan proses pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran berbahasa. Maklum balas yang diberikan, pengajaran dan penilaian mematuhi rangka kerja. Langkah itu merupakan sebahagian daripada langkah melengkapkan pelajar dengan kemahiran mencipta, melahirkan pendapat, kefahaman dan akhirnya melaksanakan pendekatan untuk topik yang hendak dilaksanakan. Oleh sebab konsep LP menekankan amalan muhasabah dan dialog, guru mengatur strategi pengajaran berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh para pelajar. Misalnya, para anggota LP, iaitu guru dan pelajar berkongsi pemahaman dan berbincang mengenai isu-isu yang dipilih menerusi sebuah sesi dialog. Pada amnya, LP menekankan persekitaran yang menerapkan sikap saling mempercayai dan menghormati untuk semua pihak mengemukakan dan membincangkan teori dan pandangan masing-masing.

Menurut rangka kerja LP, guru memainkan peranan aktif selaku pemudah cara untuk memastikan pembelajaran berlangsung dengan berkesan.




Pemudah cara memastikan bahawa semua peserta komited dengan proses LP dan memastikan setiap pelajar melaksanakan tugas yang diberikan. Guru juga memastikan para pelajar bekerjasama dan mengamalkan sikap saling menghormati pendapat satu sama lain. Matlamat akhir menekankan keutamaan bekerjasama untuk mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran. Guru mengumpulkan data dan menganalisis maklumat dari kelas selepas pelaksanaan strategi tersebut.

### Rangka Kerja Lingkaran Pembelajaran (*Learning Circle*)

Lingkaran Pembelajaran (*Learning Circle*) ialah satu siri perbincangan, tunjuk cara, laporan, rujukan dan penyampaian di mana setiap anggota LP mengongsi pengetahuan dan pengalaman, mempelajari maklumat baharu dan menerapkan serta menguji kemahiran baharu. LP merupakan sebuah kumpulan yang duduk bersama untuk meneliti sesuatu perkara atau masalah dengan para anggotanya sebagai satu cara menyusun perbincangan-perbincangan seterusnya untuk merumuskan dapatan dan pengalaman setiap kumpulan. Rujuk Rajah 1.

### Mengapa melaksanakan Rangka Kerja Lingkaran Pembelajaran?

Rajah 1: Lingkaran Pembelajaran




Lingkaran pembelajaran menjadikan pembelajaran lebih berkesan kerana muhasabah, tunjuk cara dan pengalaman belajar dikongsi dalam kalangan para ahli LP. Selain mengadakan situasi pembelajaran interaktif, pengajaran dan latihan, LP juga menyediakan peluang menajamkan kemahiran melalui sekumpulan ahli yang berupaya menawarkan kritik membina.

Lingkaran Pembelajaran memberikan maklum balas, saranan, teknik dan sumber-sumber berharga yang penting untuk para pelajar dan guru-guru menajamkan kemahiran bagi memperbaiki sesuatu pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

Bagaimana Lingkaran Pembelajaran dilaksanakan?

Rajah 2: Komponen umum semua Rancangan Pengajaran



Suatu Lingkaran Pembelajaran akan melalui satu pusingan SPAOR disesuaikan daripada Kemmis and McTaggart (1988).



Pusingan itu bergantung pada kemahiran muhasabah dan dialog kerana semua anggota kumpulan memainkan peranan penting untuk saling mengkritik. Muhasabah yang berterusan, soal selidik dan dialog berlangsung sepanjang



tempoh pusingan. Setiap ahli bekerjasama memperelok amalan pengajaran dan pembelajaran. Setiap pusingan mengambil masa 6 hingga 9 bulan.

Berikut adalah ringkasan setiap tahap pusingan **SPAOR**:

<b>Scan</b> (imbias)	Setiap anggota mengenal pasti sesuatu masalah dan diikuti dengan soalan-soalan kaji selidik dan soalan-soalan lain untuk mengatasi masalah.
<b>Plan</b> (Rancang)	Setiap anggota Lingkaran Pembelajaran melakukan rujukan dan mengenal pasti matlamat yang hendak dicapai. Pada tahap ini, setiap anggota memutuskan kaedah mengumpul data daripada projek LP mereka.
<b>Act</b> (Tindakan)	Kumpulan LP merangka Pelan tindakan dan tarikh akhir pengagihan tugas setiap anggota.
<b>Observe</b> (Pantau)	Setiap anggota LP mengumpul dan menganalisa data yang dikumpulkan dari kelas selepas melaksanakan strategi.
<b>Review</b> (Semak)	Anggota LP muhasabah strategi dan kesan pengajaran.

Apakah proses pusingan Lingkaran Pembelajaran?

Guru meneliti isu atau masalah yang hendak diatasi selepas melakukan perancangan awal. Mereka mengatur beberapa mesyuarat dengan menetapkan matlamat yang hendak dicapai. Kajian sesuatu subjek atau kemahiran melibatkan perkembangan dari definisi subjek melalui tunjuk cara oleh peserta sesebuah bengkel kerja dalam rangka menyempurnakan projek yang sedang dijalankan.

LP adalah usaha kerjasama yang digunakan oleh sekumpulan 4-8 orang guru yang membincangkan dan melakukan muhasabah mengenai isu yang berhubungkait dengan pengajaran dan pembelajaran. Muhasabah dan dialog adalah dua kemahiran utama dalam semua lingkaran LP. Muhasabah membawa



pada perbincangan bernas dan menyediakan peluang untuk menjelaskan jangkaan dan cabaran ke atas model mental tentang pengajaran dan pembelajaran. Melalui dialog berkesan, para anggota LP mencapai kesefahaman mengenai permasalahan yang dihadapi. LP mengutamakan hubungan yang saling mempercayai. Anggota yang bersifat kritikal menyoal selidik untuk menjelaskan masalah dan berkongsi pengetahuan. Sekitaran saling mempercayai dan menghormati penting semasa mengemukakan teori dan tanggapan yang dibincangkan.

### Pemilihan Tema Kajian

Dalam menyiapkan pelajar untuk menghadapi peperiksaan sekolah menengah, mereka mesti dilengkapi dengan kemahiran menulis pelbagai jenis karangan seperti karangan ekspositori, naratif dan deskriptif. Justeru, strategi pengajaran dan pembelajaran haruslah lebih menarik. Sebagai pelajar baharu di sekolah menengah, mereka mungkin tidak biasa dengan sukatan pelajaran dan skema pemarkahan. Oleh itu, guru-guru ghairah untuk menggunakan rangka kerja Lingkaran Pembelajaran untuk merancang dan mengatur pengajaran dan pembelajaran.

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 13 orang pelajar menengah satu Ekspres tahun 2014. Mereka terdiri daripada para pelajar yang berbeza kognitif, latar belakang dan cara belajar. Kebanyakan pelajar mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu sederhana sementara segelintir pula tidak menggunakan bahasa Melayu di rumah. Hampir semua pelajar merupakan pribumi digital dan sering didedahkan pada bahan visual *Youtube*. Kebanyakan pelajar tidak membaca bahan cetakan bahasa Melayu secara tekak terutama novel kecuali surat khabar Berita Harian yang diwajibkan pada setiap hari Khamis dan Jumaat serta buku 'Pena Kreatif' yang merupakan kompilasi esei pilihan para pelajar tahun 2013.

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil daripada pemerhatian yang dilakukan oleh guru, para pelajar didapati telah menunjukkan reaksi yang positif semasa video-video pilihan daripada






*Youtube* itu dipaparkan. Mungkin video tersebut menepati profil pelajar yang merupakan '*visual learners*.' Selain itu, watak-watak yang dipaparkan dan plot visual mudah untuk difahami. Bezanya kali ini mereka melihat visual itu di kelas dengan memberi fokus yang tidak hanya terbatas pada mesej tetapi juga memberi tumpuan pada unsur-unsur cara plot cerita itu diperluas dari pendahuluan, perkembangan, konflik, kemuncak, dan peleraian. Pengajaran tersebut juga telah merangsang pelajar untuk memperluas dan memperdalam pemahaman pelajar tentang klip video yang ditonton.

Selain itu, strategi yang digunakan, iaitu pengajaran pembezaan memastikan bahawa setiap pelajar sama ada pelajar lemah atau pelajar pintar terlibat dalam setiap proses pembelajaran. Para pelajar juga didedahkan dengan teknik peta cerita untuk menambah pemahaman mereka tentang jalan cerita dari aspek pengenalan hingga peleraian berdasarkan peta cerita yang dikongsi setelah visual dipaparkan. Para pelajar yang memang mempunyai tumpuan yang singkat dibantu dengan memberi perhatian kepada perkara yang didengar dan dilihat dengan meneliti dialog yang dituturkan oleh watak dalam cerita itu.

Secara keseluruhan para pelajar menyambut baik paparan pelbagai bahan video yang digunakan dalam proses pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu khususnya penulisan karangan. Data yang dikumpulkan dianalisis untuk melihat keberkesanan projek selain mengukur kekuatan dan kelebihan penulisan para pelajar.

Rajah 3: Peratusan Pencapaian Markah Sebelum dan Selepas Pelaksanaan Projek



Nota:

60% pencapaian pelajar tanpa sokongan visual.

69% Peratusan peningkatan markah pelajar selepas penggunaan klip video.

## KETERBATASAN

Penulisan karangan naratif adalah salah satu daripada kemahiran menulis karangan yang mesti dipelajari. Selain itu, mereka masih perlu menulis karangan ekspositori dan deskriptif. Oleh itu, guru perlu tahu mengimbangi perancangan pengajaran agar pelajar mendapat pengalaman dan pengetahuan menulis pelbagai genre karangan bagi mempersiapkan diri mereka untuk peperiksaan. Maka itu, *Learning Circle* merupakan wahana bekerjasama yang boleh digunakan oleh sekumpulan guru untuk berbincang dan melakukan muhasabah mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi penulisan karangan. Namun, tidak dinafikan bahawa faktor masa dan keterbatasan sumber kadang menjadi cabaran yang mesti dihadapi oleh para guru.

## KESIMPULAN

Dalam usaha membimbing para pelajar menajamkan kemahiran menulis, para guru harus lebih kreatif dalam menyampaikan pengajaran. Strategi pengajaran yang pelbagai penting terutamanya untuk para pelajar menengah satu dan dua. Apabila guru telah mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap pelajar, guru-guru boleh menggunakan strategi *Learning Circle* untuk disesuaikan dengan keperluan pelajar. Selain itu, usaha-usaha gigih perlu dilakukan untuk mencapai keseimbangan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam penulisan karangan. Dengan memanfaatkan *Learning Circle*, guru perlu menunjukkan pelbagai jenis pendedahan dan latih tubi yang berkesan dan boleh memperelok kemahiran menulis dan memperluas sumber-sumber pembelajaran dan pengajaran. Dengan menggunakan *Learning Circle* juga, para guru boleh menimbangkan kemungkinan memberikan pendedahan yang luas dan latihan yang bervariasi untuk membantu pelajar dalam kemahiran lisan pula di dalam dan di luar bilik darjah.



## RUJUKAN

- Abdullah Ghani Abdullah, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Abdul Rashid (2007). *Humor Dalam Pengajaran*. Selangor : PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Grasha A. F. (1996). *Teaching with styles: A Practical Guide to Enhance Learning by Understanding Learning and Teaching Styles*. New York : Alliance Publisher.
- Jonassen D.H. (1996). *Computers In The Classroom: Mindtools for Critical Thinking*. New Jersey: Prentice Hall.
- Juriah Long (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Bangi Penerbitan UKM: Bangi
- Kemmis S. & McTaggart S. (1988). *Lewin's Approach To Action Research*. Action Research Planner.
- Wood J. W. (2002). *Adapting Instruction to Accommodate Students in Inclusive Setting Including All Students*. New York :Pearson Education Inc.
- Zamri Mahmood (2011). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

